

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HIS 402 Fiqh al Mu'amalat: Hubungan Sesama Makhluk

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Setiap Bahagian mestilah diikat berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Aqidah tawhid bukan sahaja melibatkan konsep metafizik, malah ianya berkaitan dengan hubungan sesama manusia dalam kehidupan sehari-hari yang antara lain melibatkan persoalan sosio-ekonomi. Bincangkan.
2. Berdasarkan kefahaman anda tentang tujuan utama yang tersirat dalam fiqh mu'amalat, bincangkan konsep Islam tentang manusia, kemudian kemukakan pandangan kritis anda terhadap teori Abraham Maslow tentang jenjang keperluan manusia.
3. Setelah anda mencapai ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Sains Malaysia anda telah diterima bekerja dalam Syarikat Nusa Indah Sendiran Berhad yang baru ditubuhkan. Syarikat ini bergiat dalam penerbitan buku untuk sekolah-sekolah. Di samping itu pihak Syarikat mahu memulakan perniagaan di dalam bidang insuran dan kredit, lalu meminta anda menyediakan kertas cadangan yang lengkap tentang bagaimana cara menyediakan skim-skim tersebut yang sesuai dengan Syari'ah Islam. Tuliskan cadangan bagi salah satu daripada skim-skim itu dengan memberi penjelasan yang jelas bagi setiap istilah fiqh mu'amalat yang terdapat di dalamnya.

.../2

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

4. Aktiviti ekonomi Islam mempunyai nilai-nilai keadilan yang kukuh, segala rupa bentuk penyelewengan dianggap mencacatkan usaha ekonomi. Justeru itu konsep keadilan dalam aktiviti ekonomi Islam senantiasa menjamin hak individu dan memelihara masalah masyarakat. Bincangkan.
  
5. Unsur-unsur riba di dalam perniagaan telah diharamkan oleh Allah S.W.T., malahan Allah dan Rasul memerangi semua jenis riba. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua perkara berikut:
  - [a] Aktiviti riba di dalam amalan jual beli saham.
  - [b] Perbandingan konsep Al-Rahn dan pajak gadai biasa.
  
6. Matlamat ekonomi Islam ialah untuk mencapai Al-Falah di dunia dan di akhirat. Segala sesuatu yang bercanggah dengan konsep ini dianggap terkeluar dari matlamat ekonomi Islam. Huraikan.

-ooo000ooo-